

16/03/1998

Tentukan parti padu, pemimpin bersih

INGATAN Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya perwakilan Umno meneliti rekod perkhidmatan calon sebelum memilih pemimpin di peringkat bahagian, kita anggap teguran yang tepat. Rekod perkhidmatan adalah sejarah peribadi yang tidak boleh dihakis walaupun selepas menempuh jarak waktu yang panjang. Jika rekod seseorang itu kotor, ia tidak mudah dipadamkan walaupun wang dijadikan pertaruhan. Kita percaya nasihat Anwar ini ditujukan kepada bahagian yang tidak dapat menyelesaikan masalah perebutan jawatan secara berunding. Pemimpin sedia ada mahu mempertahankan jawatan dengan alasan tersendiri manakala pencabarnya pula dengan alasan tersendiri. Masing-masing mempunyai pengikut yang menampakkan berlaku perpecahan di peringkat bahagian. Jika banyak bahagian yang gagal mengelakkan pertandingan, perpecahan boleh dilihat dalam konteks yang lebih besar.

Bagi bahagian yang mengelakkan diri daripada perebutan jawatan, kita anggap mereka mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno. Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin pun menegaskan sekarang bukanlah masa untuk berebut jawatan kerana ia tidak akan menyelesaikan banyak masalah. Nasihat Dr Mahathir dilihat dalam konteks kestabilan politik ketika menghadapi isu kegawatan ekonomi dan politik nasional. Kita memuji bahagian yang dapat menyelesaikan masalah secara rundingan walaupun di sesetengah bahagian ada pemimpin yang sepatutnya sudah berundur. Tetapi disebabkan ketidaksesuaian masa, perebutan yang tidak perlu ini, mungkin boleh ditangguhkan.

Namun, dalam menghayati sistem demokrasi, kita juga akui perebutan jawatan tidak semestinya dapat dielakkan. Pertandingan jawatan dibenarkan dalam perlembagaan parti. Melarang pertandingan hanyalah sebagai usaha untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya ketegangan yang sia-sia. Sebaliknya, jika pihak terbabit tidak mahu mendengar nasihat, langkah mereka untuk bertanding, kita anggap menjadi hak mereka kerana ia sah di segi undang-undang. Mereka yang terbabit tentu sudah mengkaji risikonya dan tahu kesannya.

Kuasa mutlak menentukan pemilihan calon yang tepat adalah hak perwakilan. Pada peringkat ini, kita tidak lagi bimbang terhadap wujudnya pertandingan. Apa yang lebih merisaukan ialah ketepatan pemilihan perwakilan. Jika perwakilan bahagian tidak membuat pilihan yang tepat, bermakna mereka mengundang masalah, bukan saja di bahagian mereka, malah organisasi Umno keseluruhannya. Pemimpin bahagian yang dipilih bukan kerana kewibawaannya sebagai pemimpin, akan cuba mempertahankan jawatannya untuk pemilihan akan datang dengan menggunakan pengaruh dan pelbagai cara politik. Walaupun ini adalah perkara biasa dalam organisasi siasah seperti Umno, namun inilah puncanya masalah yang berpanjangan. Segala-galanya bertitik-tolak kepada ciri-ciri kepemimpinan seseorang calon.

Oleh itu, kriteria pemilihan pemimpin kita anggap amat penting, bagi mengelakkan kita melakukan kesilapan yang besar ketika membuat pilihan. Asasnya, seseorang pemimpin yang dipilih mestilah berdisiplin, bertanggungjawab dan tidak mengutamakan kepentingan diri. Rasanya setiap perwakilan dapat menilai seseorang yang berdisiplin atau sebaliknya. Pemimpin yang tidak berdisiplin, kita anggap pemimpin yang lemah. Kekuatan mereka hanyalah kepada janji yang tidak pernah ditunaikan. Pemimpin yang tidak berdisiplin sanggup melakukan apa saja walaupun di luar batasan nilai dan budaya orang Melayu. Jika mereka menggunakan pengaruh untuk

mendapatkan sesuatu, kita juga menganggap orang ini tidak berdisiplin, malah tidak bertanggungjawab. Dalam senario hari ini, pemimpin seperti inilah yang menyogok wang untuk meraih undi. Jika inilah bentuk pemimpin yang menerajui bahagian, kita yakin, kita mengundang masalah yang lebih besar pada masa akan datang. Jika mereka boleh mempengaruhi bahagian, mereka juga boleh mempengaruhi perwakilan yang lebih besar di peringkat Pusat. Disebabkan pemimpin seperti ini akan melakukan apa saja untuk mencapai matlamatnya, kita menganggap golongan seperti ini hanya mementingkan diri sendiri. Bagi pemimpin seperti ini, Umno hancur sekalipun, bukan urusan mereka. Jika mereka berhujah kononnya tindakan mereka adalah semata-mata untuk Umno, kita berani mengatakan bahawa mereka adalah hipokrit. Kita menasihatkan perwakilan supaya menggunakan kuasa undi mereka dengan bijaksana dan cuba elak diri daripada melakukan tindakan yang mengikut perasaan kerana pertaruhan mereka adalah parti, bangsa, agama dan negara.

(END)